

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEDUA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 5 Mac 2009**

**SOALAN**

YB Puan Siti Zailah Bt Mohd Yusoff (Rantau Panjang) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah kes permohonan bantuan yang ditolak oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan apakah alasan penolakan tersebut dan apakah bentuk usaha yang dibuat bagi mengatasi masalah tersebut, mengikut kategori permohonan dan negeri bermula dari tahun 2000.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia bukanlah sebuah negara kebajikan yang menyediakan bantuan kebajikan kepada sesiapa sahaja yang memohon. Sebaliknya bantuan kebajikan yang disediakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memberikan pelbagai skim bantuan kepada golongan yang tidak berkemampuan dan berkeperluan. Sehingga September 2008, terdapat seramai 168,794 penerima bantuan kebajikan di seluruh negeri. Jumlah permohonan untuk mendapatkan bantuan yang ditolak oleh JKM bagi tahun 2006 hingga 2008 adalah sebanyak 32,308 dari jumlah permohonan baru yang diterima sebanyak 93,313. Jumlah permohonan bantuan yang ditolak mengikut negeri adalah seperti berikut: BIL NEGERI 2006 2007 2008 JUMLAH 1 SARAWAK 809 21 283 1,113 2 TERENGGANU 592 1,786 381 2,759 3 JOHOR 16 21 71 108 4 PAHANG 319 150 397 866 5 WP LABUAN - - 21 21 6 WP KUALA LUMPUR 1,749 132 330 2,211 7 KEDAH 1,236 1,016 212 2,464 8 MELAKA 1,676 1,272 18 2,966 9 KELANTAN 1,588 109 32 1,729 10 NEGERI SEMBILAN 18 49 245 312 11 PERLIS 8,109 2,166 103 10,378 12 PULAU PINANG 960 1,026 339 2,325 13 PERAK 635 37 1,446 2,118 14 SELANGOR 25 1,109 1,804 2,938 17,732 8,894 5,682 32,308 (Maklumat hanya dapat diberi bagi tempoh tiga tahun sahaja) Kesemua permohonan baru yang diterima JKM dijalankan siasatan dan penilaian terlebih dahulu dan permohonan bantuan yang ditolak adalah berdasarkan alasan-alasan berikut: i. Pemohon bukan warganegara Malaysia dan tidak bermastautin di Malaysia; ii. Pendapatan isirumah pemohon melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa iaitu RM720 bagi Semenanjung Malaysia, RM960 bagi Negeri Sabah dan RM830 bagi Negeri Sarawak. Sebelum 1 September 2008, PGK yang digunakan oleh JKM di seluruh Malaysia ialah RM420; iii. Pemohon merupakan seorang yang produktif dan mampu berdikari ; dan iv. Pemohon memiliki kemudahan-kemudahan asas yang menunjukkan keadaan hidup yang selesa seperti rumah kediaman yang besar dan selesa, peralatan perabot yang lengkap dan moden, mempunyai kenderaan dan sebagainya termasuk mempunyai anak-anak yang berjaya. Bagi pemohon-pemohon yang tidak layak dipertimbangkan bantuan kebajikan, JKM akan merujuk permohonan tersebut kepada agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan yang turut menyediakan skim bantuan kewangan seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pelajaran, Pusat Zakat Negeri dan sebagainya.

